

Kedudukan pasaran buruh stabil, bilangan penganggur berkurangan

by Media Baharu
October 12, 2022

KUALA LUMPUR, 12 Oktober- Bilangan penganggur pada Ogos 2022 terus berkurang kepada 612,000 orang berbanding dengan 620,000 bulan sebelumnya.

Kadar pengangguran pula kekal pada 3.7 peratus.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Mustapa Mohamed memaklumkan kedudukan pasaran buruh pada Ogos kekal stabil.

"Aktiviti perniagaan dan sosial yang beroperasi seperti biasa membolehkan ekonomi pulih lebih kukuh dengan keperluan tenaga buruh semakin meningkat," katanya.

Bilangan tenaga buruh pada Ogos meningkat 0.2 peratus kepada 16.63 juta orang.

Justeru, kadar penyertaan tenaga buruh meningkat kepada 69.7 peratus.

Bilangan penduduk bekerja pada bulan sama terus stabil dengan meningkat kepada 16.02 juta orang.

Berdasarkan perkembangan semasa, bilangan penduduk bekerja dalam sektor perkhidmatan dijangka terus bertambah.